

Bil. S 6

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2008**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran.
  2. Pindaan bab 2 dari Penggal 68.
  3. Pindaan bab 26.
  4. Pindaan bab 26A.
  5. Pindaan bab 27.
  6. Pindaan bab 28.
  7. Pindaan bab 30.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan), 2008.

**Pindaan bab 2 dari Penggal 68.**

2. Bab 2 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dengan memotong takrifan "bahan yang mengkhayalkan" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

""bahan yang mengkhayalkan" dalam bab-bab 26, 26A, 26B, 26C, 26D, 26F dan 26G bermakna sebarang bahan yang mempunyai ciri mengeluarkan wap atau wasap toksik yang mengandungi toluena dan yang apabila dihidu mendatangkan atau menyebabkan keadaan khayal;"

(b) dalam takrifan "had yang ditetapkan", dalam baris pertama dengan memasukkan "26," sejurus selepas "bab-bab".

**Pindaan bab 26.**

3. Bab 26 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(1) Mana-mana orang yang, apabila memandu atau cuba memandu, atau apabila bertanggungjawab terhadap sesebuah kenderaan bermotor di atas jalan raya atau tempat awam lain —

(a) dalam keadaan mabuk, pengaruh dadah atau bahan yang mengkhayalkan sehingga tidak membolehkannya mengawal kenderaan bermotor tersebut dengan sempurna; atau

(b) terdapat dalam badannya sejumlah alkohol yang kadarnya dalam nafas atau darah orang itu melebihi had yang ditetapkan,

adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, suatu denda sebanyak \$10,000 dan penjara selama 2 tahun, dan dalam hal penyabitkan kesalahan kedua atau berikutnya suatu denda sebanyak \$20,000 dan penjara selama 4 tahun.";

(b) dalam cerai (2)(b), dengan memasukkan "atau, jika dia dihukum penjara, mulai dari tarikh dia dibebaskan dari penjara," sejurus selepas "disabitkan kesalahan" dalam baris ketiga;

(c) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(3) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini."

#### **Pindaan bab 26A.**

4. Bab 26A dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1)(a), dengan memotong "atau pengaruh dadah" dan menggantikannya dengan ", pengaruh dadah atau bahan yang mengkhayalkan" sejurus selepas "mabuk".

#### **Pindaan bab 27.**

5. Bab 27 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(4) Jika selepas seseorang itu dibicarakan kerana suatu kesalahan di bawah bab ini mahkamah tidak berpuas hati bahawa dia memandu itu adalah penyebab kematian, tetapi berpuas hati bahawa dia bersalah kerana memandu sebagaimana yang dinyatakan dalam cerai (1), maka adalah sah bagi mahkamah untuk menyabitkannya atas suatu kesalahan di bawah bab 28, sama ada atau tidak kehendak-kehendak bab 30 telah dipenuhi berkaitan dengan kesalahan itu."

**Pindaan bab 28.**

6. Bab 28 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(4) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini."

**Pindaan bab 30.**

7. Bab 30 dari Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan cerai-cerai (2), (3) dan (4) dan menggantikannya dengan 3 cerai baru yang berikut —

"(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), orang yang kena tuduh yang dalam kesnya kehendak-kehendak bab ini telah dipenuhi atau tidak dikenakan, berkaitan dengan suatu kesalahan yang diperkatakan di bawah bab 28 boleh disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab 29.

(3) Kehendak-kehendak bab ini hendaklah dalam setiap kes dianggap telah dipatuhi melainkan jika dan sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Bab ini tidak boleh dikenakan dalam sebarang kes di mana orang yang didakwa telah ditangkap, berhubung dengan kejadian yang berkaitan dengannya suatu pertuduhan terhadapnya dibuat, sama ada pada hari kejadian itu berlaku atau dalam masa 30 hari dari tarikh itu."

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 27 haribulan Mei, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM